

Headline	4.8 juta pengguna tak terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	12	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Faiza Zainudin	AdValue	RM 19,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,672



PELARASAN TARIF ELEKTRIK

4.8 juta pengguna tak terjejas

» Kenaikan tarif elektrik tidak beban majoriti pelanggan domestik

Oleh Faiza Zainudin, Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Nasaruddin Parzi

► Kuala Lumpur

Pelarasannya tarif elektrik yang berkuat kuasa 1 Januari tahun depan masih melindungi kebajikan pengguna, terutama golongan berpendapatan rendah yang menggunakan 300 kilowatt sejam ke bawah.

Berikutan itu, sebanyak 70.67 peratus atau 4.56 juta pengguna daripada keseluruhan 6.45 juta pengguna domestik di Semenanjung tidak mengalami sebarang kenaikan, manakala 62 peratus atau 260,000 daripada 418,000 pengguna domestik di Sabah dan Labuan tidak terbabit.

Selain itu, menurut Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, kerajaan akan terus membantu memberikan rebat kepada pengguna yang bil elektrik berjumlah RM20 ke bawah sehingga 31 Disember 2014.

Kurangkan subsidi RM4b

“Semakan semula tarif baru ini juga membolehkan kerajaan mengurangkan subsidi sebanyak RM4 bilion setahun mulai tahun depan berban-

ding RM14 bilion setahun bagi pengguna domestik di Semenanjung dan RM570 juta di Sabah dan Labuan. Penjimatan ini dapat disalurkan untuk kemudahan awam lain bagi manfaat rakyat,” katanya ketika mengumumkan pelarasan kadar baru itu semalam.

Beliau juga berkata pelarasan dilaksanakan berdasarkan empat faktor, iaitu kesan penyelarasan harga gas domestik sebanyak 51 sen/kWj, penetapan harga gas asli cecair yang diimport (3.41 sen/kWj), penyelarasan harga arang batu (17 sen/kWj) serta semakan tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) sebanyak 90 sen/kWj.

Berikutan itu, tarif di Semenanjung meningkat sebanyak 4.99 sen atau 14.89 peratus, manakala di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan sebanyak lima sen atau 16.9 peratus.

Ongkili berkata kenaikan kadar purata semasa sebanyak 33.54 sen sekilowatt sejam (kWj) kepada 38.53 sen/kWj di Semenanjung dan 29.52 sen/kWj kepada 34.52 sen/kWj di Sabah dan Labuan itu pertama kali dilaksana sejak 1997.

Turut mengalami kenaikan ialah kadar kutipan kepada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu daripada satu peratus kepada 1.6 peratus membatik pengguna domestik kecuali mereka yang menggunakan elektrik 300 kWj dan ke bawah.

Katanya, penstrukturan tarif di Sabah dan Labuan pula diperlukan bagi mengimbangi jurang yang meningkat antara kos pembekalan elektrik dengan kadar tarif sedia ada supaya Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dapat terus membekalkan elektrik berdaya maju di dua tempat berkenaan.

“Bagi mengukuhkan kedudukan kewangan negara dan ke arah penetapan harga gas berasaskan mekanisme harga pasaran, usaha rasionalisasi subsidi adalah langkah yang perlu diteruskan kerajaan.

“Di samping itu, kerajaan perlu memastikan syarikat utiliti mampu menampung peningkatan kos pembekalan elektrik dan mempertingkatkan pelaburan untuk menyediakan infrastruktur dan operasi pembekalan elektrik yang lebih baik,” katanya.

“**Kerajaan akan terus membantu memberikan rebat kepada pengguna yang bil elektrik berjumlah RM20 ke bawah sehingga 31 Disember 2014**”

Dr Maximus Ongkili,
Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Headline	4.8 juta pengguna tak terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	12	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Faiza Zainudin	AdValue	RM 19,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,672



Maximus pada **sidang media khas** di Parlimen, semalam.
[FOTO EFFENDY RASHID/BH]

INFO

Bil elektrik bulanan isi rumah berpendapatan sederhana | Terbit dengan kenaikan

	Perkakasan	Bilangan (unit)	Watt	Penggunaan Sebulan (jam)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (lama)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (baru)
1	Lampu	3	40	40	7.8	7.8
2	Kipas angin	4	50	50	4.8	4.8
3	Pendingin hawa (1.0 kuasa kuda)	1	835	835	6.0	6.0
4	Ketuhar gelombang mikro	1	1000	1000	1.5	1.5
5	Peti sejuk	1	80	80	165.6	165.6
6	Mesin basuh	1	500	500	11.7	11.7
7	Televisyen	1	100	100	15.2	15.2
8	Radio/HIFI	1	25	25	2.64	2.64
9	Peruk nasi elektrik	1	600	600	1.8	1.8
10	Komputer	1	150	150	1.6	1.6
11	Pemain DVD/VCD	1	50	50	0.6	0.6
12	Seterika	1	1000	1000	5.5	5.5
13	Pemanas air	1	3600	3600	28.8	28.8
	JUMLAH (kWj)				437.1	437.1
	Bil bulanan (RM)				131.91	213.11

Pertambahan RM 81.20

INFO

Bil elektrik bulanan isi rumah berpendapatan rendah | Tiada kenaikan tarif untuk kegunaan bulanan di bawah 300 kWj atau RM 77.00

	Perkakasan	Bilangan (unit)	Watt	Penggunaan Sebulan (jam)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (lama)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (baru)
1	Lampu	3	40	90	10.8	10.8
2	Kipas angin	1	50	90	4.5	4.5
3	Pendingin hawa (1.0 kuasa kuda)	0	835	0	0	0
4	Ketuhar gelombang mikro	0	1000	0	0	0
5	Peti sejuk	0	80	0	0	0
6	Mesin basuh	0	500	0	0	0
7	Televisyen	1	100	90	9	9
8	Radio/HIFI	1	25	90	2.25	2.25
9	Peruk nasi elektrik	1	600	15	9	9
10	Komputer	0	150	0	0	0
11	Pemain DVD/VCD	0	50	0	0	0
12	Seterika	1	1000	8	8	8
13	Pemanas air	0	3600	0	0	0
	JUMLAH (kWj)				43.6	43.6
	Bil bulanan (RM)				9.49	9.49

Tiada pertambahan

Headline	4.8 juta pengguna tak terjejas		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	138,805
Page No	12	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	570 cm ²
Journalist	Faiza Zainudin	AdValue	RM 19,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,672

INFO

Bil elektrik bulanan isi rumah berpendapatan sederhana rendah | Tiada kenaikan tarif untuk kegunaan bulanan di bawah 300 kWj atau RM 77.00

	Perkakasan	Bilangan (unit)	Watt	Penggunaan Sebulan (jam)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (lama)	Jumlah penggunaan Sebulan (kWj) (baru)
1	Lampu	8	40	150	48	48
2	Kipas angin	2	50	240	24	24
3	Pendingin hawa (1.0 kuasa kuda)	0	835	0	0	0
4	Ketuhar gelombang mikro	0	1000	0	0	0
5	Peti sejuk	1	80	720	144	144
6	Mesin basuh	1	500	15	4.65	4.65
7	Televisyen	1	100	152	15.2	15.2
8	Radio/HIFI	1	25	154	6.16	6.16
9	Petruk nasi elektrik	1	600	30	18	18
10	Komputer	0	150	0	0	0
11	Pemain DVD/VCD	1	50	12	0.6	0.6
12	Seterika	1	1000	5.5	5.5	5.5
13	Pemanas air	1	3600	7.5	0	0
					JUMLAH (kWj)	266.1
					Bil bulanan (RM)	65.68

Tiada pertambahan